15/09/1997

PM selamat pulang dari Mongolia, Kyrgyz

KEMBALI... Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan sesuatu kepada Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat, sejurus tiba di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang awal pagi ini daripada lawatan kerja selama enam hari ke Mongolia dan Republik Kyrgyz.

Perdana Menteri mengetuai rombongan terdiri daripada beberapa menteri kanan dan ahli perniagaan untuk meninjau peluang pelaburan di kedua-dua negara Asia Tengah itu.

Selain Mohamed, kepulangan Dr Mahathir pada kira-kira jam 2.30 pagi itu disambut oleh Menteri Pembangunan Tanah, Datuk Osu Sukam dan Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Mohd Ali Rustam.

(END)